

The Strategy Pyramid





Purpose (Tujuan)

#1

Mission/Misi

Kenapa kita wujud? Ini maksudnya sebab utama kenapa organisasi atau perniagaan ini ada.

Contoh, "Untuk membantu orang ramai hidup lebih sihat" atau "Untuk menyediakan makanan yang sedap dan berpatutan."

#2

Values/Nilai

Apa yang penting bagi kita? Ini adalah prinsip atau perkara penting yang kita pegang.

Contoh, "Kejujuran," "Kerja keras," atau "Layanan mesra."

#3

Vision/Visi

Apa yang kita mahu capai? Ini adalah impian besar atau matlamat jangka panjang.

Contohnya, "Menjadi restoran paling popular di kawasan ini" atau
"Menjadi syarikat teknologi terkemuka."



Strategy (Strategi)

#1

Objektif Strategik

Bagaimana kita akan mencapainya? Ini adalah pelan atau langkah besar yang kita ambil untuk mencapai visi.

Contoh, "Kembangkan menu baru setiap bulan" atau "Gunakan iklan media sosial untuk menarik pelanggan."

#2

Drivers

Apa yang akan kita fokuskan? Ini adalah perkara utama yang kita beri perhatian.

Contoh seperti "Perkhidmatan pelanggan yang pantas" atau "Harga yang berpatutan."

#3

Enablers/Pendorong

Apakah rangka kerja, sumber, dan kemahiran yang akan kita gunakan?
Ini termasuk alat, kemahiran, dan sumber seperti pekerja terlatih,
komputer, atau kaedah kerja yang membantu kita.



Execution (Pelaksanaan)

#1

Sasaran dan Inisiatif

Apa yang perlu kita lakukan? Ini adalah tindakan spesifik.

Contoh seperti "Latih pekerja dalam layanan pelanggan" atau "Buat promosi bulanan."

#2

Performance Indicators

Bagaimana kita tahu jika kita berjaya? Ini adalah cara untuk mengukur kejayaan.

Contohnya, "Bilangan pelanggan yang bertambah" atau "Peningkatan dalam jualan."

#3

Strategy Map

Bagaimana kita akan menguji dan mengkomunikasikan strategi ini? Ini bermaksud bagaimana kita akan periksa sama ada strategi berkesan dan bagaimana kita beritahu pasukan kita tentang langkah-langkah ini.

Contoh, "Mesyuarat mingguan untuk bincang perkembangan" atau
"Gunakan laporan bulanan untuk lihat kemajuan."

